

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:-

- a) statistik kes dan tindakan berkesan yang diambil bagi menangani penipuan oleh ejen pelancongan terutamanya yang melibatkan ibadah umrah; dan
- b) bentuk galakan baharu yang disalurkan bagi memantapkan lagi promosi pelancongan negara kepada pelancong dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2014 sehingga Oktober 2019, Kementerian telah mengambil tindakan ke atas 2,035 aduan berkaitan industri pelancongan dengan 391 aduan berkaitan perniagaan pengendalian pakej umrah atau ziarah. Bagi tempoh sama, sebanyak 612 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Sebanyak 91 kes daripada jumlah tersebut adalah melibatkan perniagaan berkaitan pengendalian umrah atau ziarah yang telah dikeluarkan tawaran kompaun di bawah Akta 482 yang berjumlah RM701,000.

Bagi tahun 2019 (sehingga Oktober), 350 aduan telah diterima oleh pihak Kementerian dengan 48 aduan adalah berkaitan perniagaan pengendalian pakej umrah atau ziarah. Pihak Kementerian telah mengambil tindakan ke atas 7 kes berkaitan umrah atau ziarah dengan mengeluarkan tawaran kompaun berjumlah RM129,500 di bawah Akta 482. Bagi tempoh 2018 sehingga Oktober 2019, pihak Kementerian juga telah membawa 3 kes ke mahkamah yang melibatkan kesalahan menjalankan perniagaan pengendalian pakej umrah atau ziarah tanpa lesen di bawah Akta 482.

Bagi tempoh 2009 hingga 2017, pihak Kementerian juga telah membatalkan lesen perniagaan 12 syarikat pengendali umrah atau ziarah kerana didapati menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan awam khususnya yang terlibat dengan kes-kes penipuan dan menyenarai hitam para pengarah serta pemilik syarikat daripada mendapat lesen perniagaan berkaitan pelancongan dengan pihak Kementerian di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain mengambil tindakan ke atas aduan dan penguatkuasaan selaras dengan Akta 482, langkah-langkah berterusan lain yang turut diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan kes-kes penipuan antaranya dengan mendidik orang

NO. SOALAN: 6

awam. Bagi tujuan itu, pihak Kementerian bersama-sama persatuan industri pelancongan giat bekerjasama memberi kesedaran kepada orang awam dalam mengelakkan diri daripada ditipu dalam pembelian pakej umrah atau ziarah.

Pihak Kementerian juga mengadakan kempen kesedaran awam secara digital dengan mengeluarkan video khidmat nasihat dan tips percutian melalui media sosial dan media elektronik kepada orang awam dalam pembelian pakej percutian atau pakej umrah dan kepentingan membeli insurans perjalanan khususnya melibatkan percutian ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

Dalam memantapkan lagi promosi pelancongan negara kepada pelancong dalam dan luar negara, Kerajaan telah memperkenalkan bentuk galakan baru iaitu Geran Sepadan yang dikenali sebagai GAMELAN (Galakan Melancong Malaysia) yang bertujuan untuk mempergiatkan program Promosi dan Pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia di samping merancakkan pelancongan domestik. Geran ini diselaraskan oleh Tourism Malaysia (TM) dan sebanyak 310 permohonan berjumlah RM1.5 juta telah diluluskan setakat ini.

Sekian, terima kasih.